

**Bajet 2012: Cuepacs harap beberapa tuntutan dilulus**  
**The Malaysian Insider**  
**04 Oktober , 2011**

KUALA LUMPUR, 4 Okt — Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) berharap beberapa tuntutan yang dikemukakan kepada kerajaan akan diluluskan dalam Bajet 2012 Jumaat ini.

“Berita gembira kepada kakitangan kerajaan ini tidak mustahil dan kita telah menanti sekian lama. Kita faham kalau dahulu tidak dapat laksanakan (tuntutan) kerana faktor ekonomi semasa,” kata Presidennya Datuk Omar Osman.

“Tapi kini tiada apa yang menghalang tuntutan itu diluluskan memandangkan ekonomi bertambah baik dan tuntutan ini pun untuk menaikkan taraf perkhidmatan penjawat awam untuk keluar daripada beban kewangan selain meningkatkan mutu perkhidmatan,” katanya dipetik Bernama Online.

Tuntutan tersebut adalah semakan semula Sistem Saraan Malaysia (SSM), menaikkan umur persaraan daripada 58 tahun kepada 60 tahun, pemberian bonus dua bulan kepada penjawat awam dan pelaksanaan Program Bersepadu Pembangunan Kompetensi bagi menggantikan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK).

Omar berkata tuntutan ini hanya cadangan sahaja dan tertakluk kepada kemampuan kerajaan untuk meluluskannya.

The Malaysian Insider  
Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider  
Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/bajet-2012-cuepacs-harap-beberapa-tuntutan-dilulus/>